

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik terkini mengikut umur kadar pengangguran di Malaysia.

JAWAPAN : YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik tenaga buruh dan pengangguran diperoleh daripada Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) dan merujuk kepada mereka yang berada dalam kumpulan umur 15 hingga 64 tahun semasa tempoh rujukan. Kadar pengangguran Malaysia bagi suku tahun terkini iaitu suku tahun keempat 2015 ialah **3.2 peratus**. Siri masa kadar pengangguran Malaysia bagi suku tahun pertama hingga keempat 2015 (Q1/2015 - Q4/2015) adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur, Malaysia, suku tahun pertama hingga keempat 2015 (Q1/2015 - Q4/2015).

Perkara	Kadar pengangguran (%)			
	Q1/2015	Q2/2015	Q3/2015	Q4/2015
Malaysia	3.1	3.1	3.2	3.2
<u>Kumpulan umur</u>				
15-24	11.6	11.1	12.2	10.9
25-34	2.8	2.6	2.6	2.9
35-44	0.8	1.1	0.9	1.2
45-54	0.6	0.6	0.6	0.8
55-64	0.1	0.6	0.2	0.3

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia